Kata Dr Asan Ali Golam, bagi NKRA Membanteras Rasuah, penggubalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Malaysia yang menggalakkan pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan bagi mengemukakan laporan tindakan salah laku dengan memberikan perlindungan terhadap identiti mereka selain juga kekebalan daripada liabiliti jenayah atau sivil dan perlindungan terhadap sebarang bentuk tindakan memudaratkan yang diambil terhadap mereka telah merintis kejayaan.

"Ini berikutan daripada 284 pesalah telah disenaraikan, mengatasi sasaran 84 pesalah dengan pewujudan pangkalan data pesalah rasuah paling terperinci di rantau ini.

Katanya, keputusan *Transperancy International Global Corruption Barometer* menunjukkan bahawa dalam tempoh setahun usaha sama dilaksanakan bagi menangani rasuah oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dan langkah meningkatkan ketelusan dalam perolehan kerajaan di samping usaha memperbaiki kerangka institusi, terdapat peningkatan hampir sekali ganda pada peratusan orang ramai yang berpendapat bahawa usaha kerajaan memerangi rasuah adalah berkesan, daripada hanya 28 peratus pada tahun 2009 kepada 48 peratus pada tahun 2010.

"Rasuah ini bukan sahaja berbentuk harta, tetapi termasuk juga penyalahgunaan kuasa yang sedang diberi perhatian serius oleh Kerajaan," jelas pensyarah yang juga merupakan Penyelaras Unit Perancangan Korporat, UUM ini.

Sementara itu, NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah pula adalah satu-satunya langkah pembasmi kemiskinan yang paling berjaya dan yang paling terbesar bagi Malaysia ini telah mendorong pengurangan 44,643 keluarga miskin tegar seluruh negara kepada peratus sifar, dengan bakinya hanya berjumlah 108 iaitu 0.2 peratus pada Disember 2010.

Menurutnya, 2,000 usahawan wanita yang diberi latihan berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 78.6 peratus, iaitu daripada purata RM750 sebulan meningkat kepada RM3,500 setiap bulan atau lebih iaitu untuk tempoh tiga bulan berturut-turut.

Buat pertama kali dalam sejarah, 35.095 unit rumah kos rendah telah ditawarkan untuk dijual kepada keluarga yang benar-benar layak dengan harga subsidi, iaitu 75 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Kehidupan dua juta rakyat berjaya diubah melalui inisiatif pembangunan luar bandar serta ini dapat mengurangkan isi rumah miskin tegar melalui rancangan 1 Azam.

"Kesimpulannya, kerajaan harus beri perhatian terhadap peningkatan hutang isi rumah iaitu peningkatan sebanyak 12 peratus di dalam taraf hidup masyarakat," kata beliau.

Selain daripada dua NKRA tersebut, bagi perkhidmatan kesihatan pula, kerajaan harus berfikir satu polisi yang lebih komprehensif disebabkan peningkatan dalam kos rawatan hospital swasta mahupun kerajaan. Kerajaan harus berfikir satu bentuk insuran kelompok terutama pada golongan berpendapatan rendah.

"Skim perkhidmatan hospital atau perubatan ini wajar dijadikan sebahagian daripada sistem jaringan sosial kerajaan terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah supaya mereka tidak mudah menjadi miskin tegar atas faktor-faktor di luar kawalan seperti krisis ekonomi serta bencana alam yang berlaku serta wabak penyakit yang melanda masyarakat," kata beliau lagi.

Habis.

==========
DARIPADA
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL :04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS :04-928 3016
E-MEL : ukkuum@uum.edu.my